

Bahasa Malaysia (BM) Version

1. MENGENAI SKIM INSURANS DAN KELAYAKAN

- S. **Siapa yang mentadbir skim ini?**
J. Skim ini ditadbir secara langsung oleh Progressive Insurance Bhd (PIB).
- S. **Apakah skim perlindungan insurans ini?**
J. Ini adalah skim insurans yang disediakan oleh kerajaan untuk memberikan manfaat dan perlindungan kepada rakyat Sabah yang layak ke atas kematian atau kehilangan upaya kekal akibat kemalangan.
- S. **Apakah skim insurans ini?**
J. Insurans ini adalah polisi yang memberi pampasan kepada anda sekiranya anda menjadi kurang upaya atau meninggal dunia akibat kemalangan.
- S. **Apakah maksud kematian akibat kemalangan dan hilang upaya kekal?**
J.
 - **Kematian akibat kemalangan** bermaksud seseorang meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan yang tidak dijangka, seperti kemalangan jalan raya atau terjatuh.
 - **Hilang upaya kekal** bermaksud seseorang menjadi kurang upaya secara kekal selepas kemalangan (contohnya kehilangan tangan, kaki, atau penglihatan).

Secara ringkasnya, skim insurans ini melindungi kejadian kemalangan yang serius sehingga menyebabkan kematian atau kecacatan kekal.
- S. **Siapa yang layak untuk skim ini?**
J. Kelayakan adalah secara automatik bagi individu yang memenuhi kedua-dua kriteria berikut sepanjang tempoh polisi:
 - i. Berumur di antara 30 hari hingga 80 tahun.
 - ii. Dilahirkan di Sabah dengan nombor kad pengenalan yang mengandungi kod negeri Sabah 12, 47, 48, atau 49.
- S. **Adakah saya perlu mendaftar?**
J. Tidak, pendaftaran tidak diperlukan. Perlindungan adalah secara automatik untuk semua rakyat Sabah yang layak. Ini bagi mengelakkan keperluan mengumpul data peribadi dan memastikan tiada individu yang layak terlepas.
- S. **Bagaimana cara untuk saya menyemak jika saya dilindungi?**
J. Anda tidak perlu menyemak pendaftaran. Jika anda memenuhi kriteria kelayakan (umur 30 hari hingga 80 tahun dan dilahirkan di Sabah dengan kod negeri 12, 47, 48, atau 49 pada kad pengenalan anda), anda secara automatik adalah dilindungi.
- S. **Adakah bayi yang baru lahir dilindungi?**
J. Ya, bayi yang dilahirkan di Sabah akan dilindungi sebaik sahaja mereka mencapai umur 30 hari, dengan syarat mereka memenuhi kriteria kad pengenalan.
- S. **Bila skim insurans ini bermula?**
J. Perlindungan insurans ini bermula pada 1 Mei 2025.
- S. **Adakah ini bermaksud sebarang kejadian/tuntutan yang berlaku sebelum 1 Mei 2025 adalah tidak dilindungi?**
J. Ya, jika tarikh kemalangan anda adalah sebelum 1 Mei 2025, maka anda tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan pampasan.
- S. **Adakah saya dilindungi jika Kad Pengenalan saya mengandungi kod negeri Sabah 12, 47, 48, atau 49, tetapi tidak menetap di Sabah?**
J. Ya, selagi anda dilahirkan di Sabah berdasarkan kod negeri yang dinyatakan dalam kad pengenalan.

2. MANFAAT DAN PERLINDUNGAN

S. **Apakah manfaat yang disediakan oleh skim insurans ini?**

J. Skim ini menyediakan pampasan berikut:

No	Skop Perlindungan	Jumlah Dilindungi (Individu) (RM)
1	Kematian Akibat Kemalangan	10,000.00
2	Hilang Upaya Kekal dalam masa 365 hari selepas kemalangan	10,000.00
2(i).	Hilang Upaya Kekal Menyeluruh, lumpuh, Hilang kewarasan, terlantar sakit	100%
2(ii).	Hilang dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali	100%
2(iii).	Kehilangan penglihatan pada kedua-dua belah mata	75%
2(iv).	Kehilangan Pendengaran kedua-dua belah telinga	50%
2(v).	Kehilangan Pertuturan	50%
2(vi).	Kehilangan satu (1) anggota pada atau di atas pergelangan, tangan atau buku lali	50%
2(vii).	Kehilangan penglihatan sebelah mata	50%
2(viii).	Kehilangan pendengaran sebelah telinga	25%
3	Khairat Kematian atau pengebumian yang disebabkan oleh Kemalangan maut	500.00

S. **Adakah skim insurans ini melindungi rawatan di klinik/ doktor pakar, kemasukan wad hospital, atau pembedahan?**

J. Tidak, insurans kemalangan diri ini tidak melindungi sebarang rawatan perubatan. Ia tertakluk kepada bayaran pampasan sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal, dan perbelanjaan pengebumian akibat kematian kemalangan.

S. **Apakah had kawasan perlindungan?**

J. Polisi perlindungan adalah 24 jam x 7 hari dan merangkumi seluruh DUNIA.

S. **Apa pengecualian terhadap polisi skim insurans ini?**

J. Perkara berikut (tetapi tidak terhad kepada); sila rujuk dokumen polisi bagi senarai penuh pengecualian.

- Aktiviti penganas/keganasan
- Kecederaan sendiri/mencederakan diri sendiri dengan sengaja
- Bunuh diri dan kurang siuman
- Sengaja mendatangkan kemarahan yang mengakibatkan pembunuhan dan serangan
- Sukan berisiko tinggi
- Dadah, AIDS, penyakit HIV, penyakit seks berjangkit
- Aktiviti ketenteraan, laut, udara, polis dan bomba
- Jangkitan penyakit berjangkit semasa pandemik
- Kematian kerana penyakit/ masalah kesihatan

S. **Adakah terdapat sebarang terma lain yang tidak ditanggung yang perlu saya sedari?**

J. Jadual berikut menyenaraikan pekerjaan yang tidak dilindungi di bawah skim insurans. **Walau bagaimanapun, pekerjaan terkecuali ini akan dilindungi apabila pekerja tersebut bercuti dan tidak bertugas (OFF-DUTY).**

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Askar/ Polis • Pramugari, Pramugara dan krew penerbangan • Pakar/ Pengendali bahan letupan • Penyelam • Pembalak | <ul style="list-style-type: none"> • Pekerja luar sisir minyak dan gas • Juruterbang • Pemandu Profesional • Pelaut • Buruh kasar/ pemunggah barang di Pelabuhan/ Wartawan perang/ Pelombong |
|--|---|

3. PROSES TUNTUTAN

S. **Bagaimana saya atau wakil saya ingin membuat tuntutan?**

J. Sekiranya berlaku kemalangan yang menyebabkan tuntutan, anda atau wakil anda perlu menghubungi Progressive Insurance Bhd (PIB). Anda perlu mengemukakan Borang Tuntutan yang lengkap bersama dokumen sokongan, termasuk bukti kewarganegaraan individu yang diinsuranskan (salinan kad pengenalan).

S. **Di mana boleh saya dapatkan boring tuntutan?**

- J.
1. Muat turun borang di laman sesawang Progressive Insurance Bhd (PIB)
 2. Mengambil borang tuntutan di Pejabat Cawangan Progressive Insurance Bhd (PIB)
 3. Mengambil borang tuntutan di Pejabat Daerah/ Pejabat Majlis Daerah

S. **Bagaimana jika saya tidak biasa dengan insurans dan memerlukan bantuan untuk tuntutan?**

J. Progressive Insurance Bhd (PIB) menyediakan TALIAN KHAS **088-33 5789** di mana pasukan khidmat pelanggan kami akan membantu dan membimbing pemohon mengenai proses tuntutan.

S. **Adakah terdapat tempoh masa untuk saya membuat tuntutan?**

J. Sila kemukakan tuntutan anda dalam tempoh 60 hari dari tarikh kemalangan.

S. **Berapa lama Progressive Insurance membayar tuntutan?**

J. Jika kesemua dokumen adalah lengkap, Progressive Insurance Bhd (PIB) akan membayar tuntutan dalam tempoh 30 hari.

S. **Apakah dokumen yang diperlukan untuk tuntutan?**

J. Sila sediakan dokumen-dokumen di bawah ketika membuat tuntutan –

- **Untuk Tuntutan Kematian Akibat Kemalangan:**

1. Borang tuntutan yang lengkap
2. Salinan Kad Pengenalan orang yang meninggal
3. Salinan Kad Pengenalan Penuntut
4. Sijil kematian yang disahkan
5. Salinan Laporan Polis
6. Sijil Nikah (Pasangan) atau Surat Beranak (Anak) sebagai bukti tali persaudaraan

- **Untuk Tuntutan Kehilangan Upaya Kekal:**

1. Borang tuntutan yang lengkap
2. Salinan Kad Pengenalan Penuntut
3. Laporan Perubatan
4. Salinan Laporan Polis (untuk kemalangan kenderaan bermotor sahaja)

S. **Bagaimana cara untuk menghantar tuntutan?**

J. Borang dan dokumen lengkap boleh dihantar kepada Progressive Insurance Bhd (PIB) melalui:

- WhatsApp ke **018 – 211 8239**; ATAU
- E-mel ke sabahgpa@progressiveinsurance.com.my; ATAU
- Hantar secara langsung / kurier salinan asal ke pejabat cawangan Progressive Insurance Bhd (PIB).